

CNS1570

R GB 07-02 00147 BA905

bah

MAHATHIR TERIMA LAPORAN KONGRES BUMIPUTERA

Mahathir - kongres (bergambar)

KUALA LUMPUR, 7 E'eb (Bernama) -- Kerajaan memberi jaminan untuk berusaha melaksanakan keputusan Kongres Ekonomi Bumiputera Ketiga yang diadakan di sini bulan lepas.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata para pegawai dan agensi berkenaan akan diberikan arahan supaya meneliti resolusi-resolusi kongres yang melibatkan tindakan mereka.

+Saya berharap proses pelaksanaan resolusi-resolusi ini dijalankan dengan penuh usaha untuk mencapai kejayaan,+ katanya selepas menerima laporan kongres daripada Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid, selaku pengerusi jawatankuasannya, di pejabatnya.

Beliau bagaimanapun mengingatkan bumiputera, terutama yang berniaga, supaya tidak mengharapkan pelaksanaan rancangan kerajaan sahaja kerana merekalah yang akan menentukan kejayaan resolusi kongres itu.

Kongres anjuran bersama kerajaan dan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Melayu Malaysia dari 10 hingga 12 Jan itu menghasilkan 63 resolusi. -- Lagi

▼07/02/11-46MST

CNS1572

R GB 07-02 00133 BA906

bah

Mahathir - kongres 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berpuashati laporan kongres itu dapat disediakan dalam masa yang singkat kerana, menurut beliau, biasanya laporan sesuatu kongres +disiapkan dalam masa enam bulan hingga satu tahun+.

Laporan yang lambat disediakan sudah tentu akan melambatkan pula proses pelaksanaan, katanya.

Katanya, kebanyakan keputusan kongres pertama dan kedua telah dilaksanakan oleh kerajaan walaupun ada antara pencapaiannya belum memuaskan.

Perdana Menteri berkata beliau telah membangkitkan perkara itu semasa merasmikan kongres ketiga itu, yang bertemakan +Ke arah Membangunkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) yang Berdaya+.

Ahmad Sarji, dalam ucapannya, berkata laporan yang dibukukan itu antara lain mengandungi resolusi-resolusi kongres, laporan sidang pleno, kertaskerja kongres, ucapan pada majlis perasmian dan penutupan, senarai peserta dan keanggotaan jawatankuasa-jawatankuasa kongres. -- Lagi

▼07/02/11-49MST

CNS1573

R GB 07-02 00075 BA907

bah

Mahathir - kongres 3 (akhir) Kuala Lumpur

Resolusi-resolusi itu menyentuh fungsi kesemua kementerian yang bertanggungjawab mengenai ekonomi dan pembangunan dan juga peranan kerajaan-kerajaan negeri.

Katanya, dua jawatankuasa yang boleh dibentuk pada peringkat kerajaan pusat bagi meneliti resolusi-resolusi itu ialah jawatankuasa mengenai perancangan dan pembangunan negara serta jawatankuasa kerja mengenai program ekonomi bumiputera.

Katanya, terpulanglah kepada Dr Mahathir untuk mengesyorkan jawatankuasa-jawatankuasa lain sebagai tambahan. -- Bernama

▼07/02/11-50MST